

ANALISIS TERHADAP KONSEP MAHABBAH MENURUT AL-GHAZĀLĪ DAN AL-QUSHAYRĪ DALAM MENYEARKAN KASIH SAYANG

AN ANALYSIS OF THE CONCEPT OF MAHABBAH FROM THE PSYCHOTHERAPY PERSPECTIVE OF AL-GHAZĀLĪ AND AL-QUSHAYRĪ IN SPREADING LOVE

Nur Syazana Adam (Penulis Penghubung)

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,

20400 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

E-mel: nursyazana.adam@gmail.com

Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600, Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

E-mel: ya_iman@yahoo.com

Muhammad Firdaus Zakaria

Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan,

16300, Bachok, Kelantan, Malaysia.

E-mel: mfirdaus.z@umk.edu.my

Nur Farha Muhammad Faleh Lai

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,

50603, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia

E-mel: farhafalehlai@gmail.com

Abstrak

Secara dasarnya, kehidupan di dunia merupakan medan ujian bagi manusia. Selain manusia itu telah digelarkan sebagai khalifah di muka bumi, manusia turut dipikulkan dengan tanggungjawab sebagai hamba kepada Pencipta yang Esa. Kedua-dua peranan ini sudah pasti tidak dapat dimanifestasikan dalam permusafiran di dunia sekiranya tiada penghayatan yang jitu terhadap sifat sebagai seorang hamba. Antara konsep utama yang menjadi batu asas dalam menjalani kehidupan ini pastinya bertitik tolak daripada sifat cinta yang mendalam atau *mahabbah* kepada Allah S.W.T. Maka, kajian ini akan meneroka konsep *mahabbah* menerusi penulisan-penulisan oleh dua tokoh sufi muktabar iaitu al-Ghazālī dan al-Qushayrī. Kajian berbentuk kualitatif ini telah menggunakan kaedah dokumentasi dalam perolehan data berkaitan konteks kajian. Hasil kajian menatijahkan betapa pentingnya konsep *mahabbah* untuk dihayati dalam kalangan orang Islam, lebih-lebih lagi dalam dunia yang penuh dengan cabaran ini.

Kata Kunci: mahabbah, cinta, psikospiritual, al-Ghazali, al-Qushayrī

Abstract

In general, life in this world is a test for humans. Besides being designated as khalifas on earth, humans are also entrusted with the responsibility as servants to the One Creator, Allah S.W.T. Both roles cannot be manifested in the world without a profound understanding of the nature of being a servant. One of the key concepts that forms the foundation in navigating this life undoubtedly stems from the deep-seated love or *mahabbah* towards Allah, the Almighty. Hence, this study will explore the concept of *mahabbah* through the writings of two eminent Sufi figures, namely al-Ghazālī and al-Qushayrī. This qualitative study utilized the method of documentation in obtaining data related to the study context. The findings of the study indicated the importance of the concept of *mahabbah* to be internalized among Muslims, especially in today's challenging world.

Keywords: *mahabbah, love, psychospiritual, al-Ghazali, al-Qushayrī*

Pendahuluan

Dari sudut bahasa, *mahabbah* berasal daripada bahasa Arab iaitu *hubb* yang bermaksud cinta atau sayang (Ibn Manzur, 2012). Manakala, *mahabbah* dari sudut istilah ialah perasaan kasih atau cinta terhadap sesuatu (Kamus Dewan, 2007), keselarasan hati terhadap Allah S.W.T dengan tetap ingatan kepadaNya melalui *dhikr Allah*, mengikuti sunnah rasulNya dan merasai kemanisan dalam bermunajat kepadaNya (al-Tustari, 2004). Di samping itu, *mahabbah* juga boleh didefinisikan sebagai perasaan cinta secara mendalam (Ibn Manzur, 2012), kecenderungan hati seseorang yang sentiasa terikat dengan Allah S.W.T (al-Hasaniy, 2008), suatu perasaan yang suci dan mulia yang mampu merasai penyaksian terhadap Allah S.W.T melalui mata hati (al-Qushayri, 1998) atau satu perkara yang mulia (al-Tusiy, 2016).

Berkait dengan *mahabbah*, sifat ini boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu perasaan kasih dan cinta seorang hamba terhadap TuhanNya, seorang umat kepada rasulNya, sesama manusia, terhadap haiwan dan alam sejagat. Meneliti kajian literatur tentang *mahabbah*, didapati bahawa *mahabbah* yang paling mulia adalah terhadap Allah S.W.T (Said Nursi, 2013; Yayan Mulyana, 2017; Khosim & Hanapi 2023) yang sentiasa terikat denganNya serta dimenifestasikan melalui pengabdian diri kepada Allah S.W.T yang dicetuskan daripada hati yang suci dan mata hati yang mampu menyaksikan keagungan dan kebesaran Allah S.W.T (Safiah et. al., 2021). Hal ini sebagaimana firman Allah S.W.T:

Maksudnya: Jika kamu benar-benar mencintai Allah, maka ikutlah aku, nescaya Allah akan mengasihi kamu dan Dia akan mengampuni dosa-dosa kamu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Surah Ali Imran, 3: 31)

Dalam hal ini, al-Tustari (w. 283H) juga pernah menyatakan bahawa: “Engkau mencintai setiap sesuatu yang dicintai oleh kekasihmu dan membenci setiap apa yang dibenci oleh kekasihmu” (Yayan Mulyana, 2017).

Berkait dengan sifat *mahabbah* atau cinta dan kasih sayang sesama manusia, Islam menganjurkan penganutnya mempunyai sifat belas ihsan. Contohnya, seorang anak dilarang untuk bercakap kasar terhadap ibu bapa apatah lagi melayan mereka dengan layanan yang buruk. Firman Allah S.W.T:

Maksudnya: Maka jangan sesekali kamu berkata ‘ah’ dan janganlah kamu membentak kedua-duanya. Dan ucaplah terhadap kedua-duanya dengan perkataan-perkataan yang baik.

(Surah al-Isra’, 17: 23)

Walaupun begitu, dalam konteks perbincangan artikel ini, fokus tertumpu terhadap sifat *mahabbah* yang dibincangkan oleh al-Ghazali dan al-Qushayri menerusi karya-karya yang telah mereka nukilkkan berdasarkan teori psikospiritual masing-masing. Justeru, kenyataan tentang biodata tokoh-tokoh ini dilihat menjadi satu keperluan dalam pendahuluan kajian ini.

Al-Ghazālī atau Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī telah dilahirkan di Tūs (bandar kedua di Khurasan selepas Naisabur) pada Dzu al-Qa’idah 450H/ 1058M. Beliau telah meninggal dunia pada waktu subuh, hari Isnin yang bertarikh 14 Jamādi al-Akhir 505H/ 18 Disember 1111M (al-Ghazālī, 1988; Nabil, 2000; Muhammad Edi, 2011; Ahmad Sahar, 2012; Khairani, 2012; Zidni Nuran & Zaizul, 2017). Beliau mendapat gelaran al-Ghazālī kerana disandarkan kepada tempat kelahirannya iaitu Ghazalah (Rosni Wazir et al., 2020). Ketika hayatnya, al-Ghazālī pernah menjadi tenaga pengajar di Niżāmiyyah, Baghdad (Indra, 2016) dan telah menghasilkan banyak karya. Antara karya beliau ialah *Maqasid al-Falasifah*, *al-Ma’arij al-Aqaliyah*, *Ihya*; ‘Ulūm al-Dīn, *Bidāyah al-Hidāyah*, *Tarbiah al-Awlād*, *al-Arba’īn Fī Uṣūl al-Dīn*, *al-Munqid Min al-Dhalal*, *Mizan al-Amal*, *Kimiya al-Sa’adah*, *Minhaj al-Abidin*, *al-Tibr al-Masbuk Fi Nasihat al-Muluk*, *al-Mustashfa fi Uṣul*, *Misykatul Anwar*, *Ayyuhal Walad*, *al-Adab Fī al-Dīn*, *al-Risalah al-Laduniyyah*, *al-Mustazhiri*, *Surr al-Alamain*, *Fath al-Ulum*, *al-Wajiez*, *al-Iqtisad fi al-Iktiqad*, *Suluk al-Sultaniyyah*, *Jawahir al-Quran*, *Qawa’idul Aqa’id*, *Faiṣal al-Tafriqah Bainā Islam wa Zanadiqah* dan banyak lagi (Khairani, 2012; Habib Bawafi, 2020).

Al-Imam Abu al-Qāsim ‘Abd al-Karīm bin Hawazin bin ‘Abd al-Mālik bin Ṭalḥah bin Muhammad al-Astuwānī al-Qushayrī al-Naisābūri al-Syafie. Gelaran al-Qushayrī telah dinisbahkan kepada Banī al-Qushayr bin Ka’ab. Beliau telah dilahirkan pada 376H di Istiwa, sebuah tempat di Nishapur yang merupakan salah satu pusat ilmu pengetahuan pada waktu itu (al-Qushayrī, 2007). Al-Qushayrī telah meninggal dunia pada tahun 465H. Semasa hayatnya, beliau merupakan antara tokoh sufi yang telah berjaya menggabungkan antara ilmu *syariat* (fiqh) dan *haqiqat* (tasawuf) dengan sempurna (Ibnu Idris, 1999).

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang bergantung kepada bahan-bahan rujukan bersifat dokumentasi. Namun begitu, bentuk metodologi ini adalah yang paling efisien bagi memaksimumkan perolehan data dengan tema kajian terutamanya yang berkait dengan konsep *mahabbah* berdasarkan pandangan dua orang tokoh sufi muktabar iaitu al-Ghazālī dan al-Qushayri. Berdasarkan kajian ini, tumpuan utama diberikan terhadap teori spiritual al-Ghazālī berdasarkan kitab-kitab yang telah dinukilkkan oleh beliau iaitu *Ihya’ Ulūm al-Dīn al-Arbai’īn fī Uṣūl al-Dīn* dan *Mukasyafah al-Qulub al-Muqarrib ila Hadrah ‘Allam al-Ghuyub*. Manakala teori spiritual al-Qushayri pula diteliti berdasarkan karya beliau iaitu *risalah al-qushayriyyah*. Di samping itu, terdapat bahan-bahan rujukan lain yang turut digunakan seperti artikel dan buku yang berkaitan dengan konteks kajian. Kemudian data-data yang diperolehi ini dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif.

Konsep Maḥabbah dari Perspektif al-Quran dan Hadis

Konsep *maḥabbah* atau secara umumnya disebut sebagai cinta ini terbahagi kepada beberapa kategori (Fazalani, 2021) iaitu cinta persaudaraan dengan memiliki rasa tanggungjawab tanpa mengharapkan

balasan, cinta ibu yang selalu mengharapkan yang terbaik untuk anaknya, cinta diri sendiri dengan menjaga diri daripada perkara yang memudaratkan, cinta kepada Pencipta merujuk kepada cinta paling sempurna tanpa cela, cinta erotik yang didasari hawa nafsu dan juga cinta kepada rasul (Abu Barzah & al-Anshory, 2022).

Perkataan-perkataan yang menunjukkan pada makna *mahabbah* dalam al-Quran bukan hanya sebatas ungkapan yang menjadi manifestasi pujian kepada yang dicintai, malah turut wujud dalam formasi sikap, perwatakan mulia yang membentuk sikap diri, sikap sosial serta kelakuan-kelakuan yang mengundang kepada *mahabbah* Allah S.W.T, Rasulullah serta sesama makhluk. Manakala perbincangan aspek *mahabbah* menurut al-Quran dan hadis dalam kajian ini dirincikan kepada tiga bahagian iaitu; 1. *Mahabbah* Tuhan kepada hamba, 2. *Mahabbah* hamba kepada Tuhan serta 3. *Mahabbah* sesama makhluk.

Mahabbah Allah S.W.T kepada Hamba

Anugerah *mahabbah* Allah S.W.T kepada hambaNya terbahagi kepada dua iaitu untuk hamba yang beriman dan yang tidak beriman. Hal ini dapat difahami daripada tafsiran sifat *al-Rahman* dan *al-Rahim* dalam Surah al-Fatihah yang dinyatakan al-Qurtubi (1384H) sebagaimana pandangan jumhur yang menunjukkan gambaran kemurahan serta kebaikan Allah S.W.T kepada hamba yang berada di bawah kekuasaanNya. Walaupun kedua sifat ini hampir sama, namun perinciannya menunjukkan perbezaan ketara dalam pembahagian kasih sayang Allah S.W.T kepada makhluk ciptaanNya. Sifat *al-Rahman* menzahirkan kasih sayang Allah S.W.T secara meluas kepada seluruh ciptaanNya sama ada yang berakal atau tidak, beriman atau kufur. Semua makhlukNya akan dapat mengecapi nikmat *mahabbah* Allah S.W.T. Namun, sifat *al-Rahim* pula dikhususkan kepada hambaNya yang beriman sahaja (A. Sastra, 2018). Al-Maraghi (1946) menegaskan, hakikat kewujudan golongan munafik sedikit pun tidak memberi manfaat dalam menegakkan Islam. Hal ini kerana Allah S.W.T sendiri akan menegakkan agamaNya bersama orang beriman. Allah S.W.T bersifat lemah-lembut dengan mukmin yang Dia cintai serta bermurah hati memberikan nikmat dan melipat gandakan kurniaanNya kepada mereka. Malang bagi golongan kafir kerana Allah S.W.T akan bersikap keras terhadap mereka (al-Tabari, 2000). Firman Allah S.W.T:

Wahai orang-orang yang beriman! Sesiapa antara kamu berpaling tадah dari ugamanya (jadi murtad), maka Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Ia kasihkan mereka dan mereka juga kasihkan Dia; mereka pula bersifat lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman dan berlaku tegas gagah terhadap orang-orang kafir, mereka berjuang dengan bersungguh-sungguh pada jalan Allah, dan mereka tidak takut kepada celaan orang yang mencela. Yang demikian itu adalah limpah kurnia Allah yang diberikanNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya; kerana Allah Maha Luas limpah kurniaNya, lagi Meliputi PengetahuanNya.

(Surah al-Maidah, 5: 54)

Walaupun Allah S.W.T menjanjikan pelbagai kelebihan tanda *mahabbah* kepada hambaNya yang beriman, namun kelebihan-kelebihan tersebut tetap perlu diusahakan sebagaimana sunnah alam dengan berbekalkan usaha, ketekunan, akal, perasaan dan juga rohani. Dengan itu, Allah S.W.T akan menambahkan lagi anugerah taufik, hidayah, rahmat dan inayah kepada mereka (al-Maraghi, 1946).

Mahabbah Hamba kepada Allah S.W.T

Nilai agama yang paling dasar adalah dengan mengukuhkan rasa *mahabbah* kepada Allah S.W.T selaku Pencipta (Mustafa, 2020). Justeru, menjaga hati dan diri daripada mengkhianati *mahabbah* tersebut merupakan tanda wujudnya perasaan yang suci dan tulus (Abu Barzah & al-Anshory, 2022).

Kaedah serta bukti *mahabbah* seorang hamba kepada Penciptanya adalah dengan mengikuti tauladan makhlukNya yang utama iaitu Rasulullah S.A.W sebagaimana yang ditegaskan dalam firman Allah S.W.T:

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

(Surah Ali Imran, 3: 31)

Bagi memupuk *mahabbah* kepada Allah S.W.T, proses pengenalan perlu dilakukan bagi mengenali dan memahami aspek ketuhanan Allah S.W.T. Proses ini dikenali sebagai makrifat iaitu proses mengenali Allah S.W.T untuk mengembangkan *mahabbah* yang sebenar yang menjadi pusat kepada segala kecintaan. Jika elemen *mahabbah* tidak dikaitkan langsung dengan Allah S.W.T, maka *mahabbah* tersebut diklasifikasikan sebagai palsu serta menyimpang daripada prinsip-prinsip Islam (Mustafa, 2020). Proses makrifat boleh dicapai dengan memaksimumkan penggunaan akal yang dijadikan Allah sebagai pusat untuk menerima arahan dan tanggungjawab. Allah S.W.T mendorong hambaNya menggunakan S.W.T akal bagi merenung, meneliti dan memahami tanda-tanda kekuasaanNya sama ada yang dapat dilihat secara langsung dengan mata kasar ataupun dipelajari melalui pembacaan (Baharudin, 2019).

Dalam konteks hamba pula, kejayaan menggapai *mahabbah* Allah S.W.T pada kedudukan yang paling utama adalah tanda seseorang hamba itu mendapat kemanisan iman. Anas bin Malik meriwayatkan daripada Rasulullah SAW, Baginda bersabda:

Maksudnya: Ada tiga perkara sesiapa yang memiliki, dia akan merasakan kemanisan iman; Allah dan RasulNya menjadi yang paling dia cintai daripada selain keduanya. Mencintai seseorang semata-mata kerana Allah, benci untuk kembali kepada kekufuran sebagaimana dia benci dilemparkan ke dalam api.

(H.R. Bukhari, no: 16)

Manis atau lazat menurut Ibn Hajar al-Asqalani (1379H), menunjukkan bahawa seorang mukmin sangat menikmati keimanannya. Umpama orang sakit yang diberikan madu akan terasa pahit, sedangkan bagi orang yang sihat madu itu dirasakannya manis seperti yang sepatutnya. Setiap kali kesihatan merosot, maka keupayaan untuk mengecapinya juga akan merosot.

Menurut al-Tabari (2000), terdapat sebahagian manusia yang menjadikan tandingan Allah S.W.T sebagai sembahannya mereka dan secara tidak langsung menunjukkan kecintaan mereka kepada sembahannya tersebut mengatasi *mahabbah* mereka kepada Allah S.W.T. Oleh kerana itu, Allah S.W.T menegaskan dalam surah al-Baqarah ayat 165 bahawa tingkatan cinta seorang mukmin kepadaNya jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan kecintaan mereka kepada selain Allah S.W.T. Terdapat juga golongan musyrik yang menduakan *mahabbah* kepada Allah S.W.T dengan selainNya dalam aspek kecintaan dan keutamaan mereka. Keadaan ini menjelaskan bahawa dalam urusan cinta, mencintai sesuatu setara dengan mencintai Allah S.W.T sudah dikira sebagai menyekutukan Allah S.W.T dalam menggapai *mahabbah*Nya. Surah al-Ahzab ayat 4 menegaskan setiap hamba Allah S.W.T hanya mempunyai satu hati. Sekiranya kecenderungan hatinya kepada Allah S.W.T, maka dia akan mengarahkan cinta, ketaatan dan kebergantungannya hanya kepada Allah S.W.T. Jika sebaliknya, bermaksud dia telah memalingkan hatinya kepada selain Allah S.W.T (Ibn Qayyim, 2020).

Selain mengikuti Rasulullah S.A.W sebagai tanda cinta kepada Allah S.W.T, Allah S.W.T turut menyatakan *mahabbah* Rasulullah S.A.W kepada umatNya. Oleh kerana itu, Allah S.W.T

menuntut hambaNya agar memuliakan Rasulullah S.A.W kerana Baginda lebih mengetahui kemaslahatan serta mencintai umatNya melebihi cinta kepada diri mereka sendiri. Imbalan ketaatan kepada rasulNya adalah dijauhkan daripada kesusahan yang akan menimpa sekiranya mereka ingkar terhadap perintahNya. Namun, harus diberi perhatian bahawa Rasulullah S.A.W juga adalah hamba kepada Allah S.W.T. Justeru, setinggi mana pun kasih kepada Baginda, tidak boleh mengatasi kasih kepada Allah S.W.T sebagaimana Allah S.W.T telah berfirman dalam Surah al-Hujurat ayat 7.

Tambah al-Tabari (2000) lagi, cinta kepada keimanan merujuk kepada cinta Allah S.W.T dan rasulNya. Islam itu bersifat terang dan jelas sedangkan iman dan takwa pula letaknya dalam hati yang menjadi keindahan yang sangat dicintai (al-Zuhaili, 1418H). Allah S.W.T menyindir golongan yang mengutamakan cinta dunia mengatasi akhirat kerana keimanan dan jihad adalah lebih utama jika dibandingkan dengan harta dan jiwa individu. Hal ini kerana jihad merupakan bukti kecintaan kepada Allah S.W.T. Oleh kerana itu, Allah S.W.T menjamin kedudukan mereka yang berjihad di jalanNya (al-Zuhaili, 1418H). Dalam Surah al-Saf ayat 13, Allah S.W.T memerintahkan supaya hambaNya beriman untuk berjihad menolong menegakkan hukum-hukum Allah S.W.T serta meninggikan kalimah tauhid sama ada melalui ucapan, perbuatan, jiwa mahu pun harta. Sebagai gantinya, Allah S.W.T menjanjikan kemenangan ke atas mereka.

Wahbah al-Zuhaili (1418H) dalam tafsir al-Munir menjelaskan terdapat perkataan *mahabbah* dalam al-Quran yang merujuk kepada perbuatan mengaggungkan dan tunduk sebagaimana sikap orang yang mencintai Allah S.W.T. Sedangkan sepatutnya cinta orang beriman akan sentiasa mengatasi selain daripada Allah S.W.T, manakala sikap orang kafir adalah berpaling daripada Allah S.W.T ketika mendapat kesulitan. M. Quraish Shihab menjelaskan sembahyang yang dianggap tandingan Allah S.W.T adalah berhala, binatang, manusia yang tidak bernyawa atau para pemimpin. Mereka tidak hanya menyembah, tetapi turut mencintai, mentaati serta sedia berkorban untuknya sebagaimana selayaknya hanya dilakukan kepada Allah S.W.T. Sedangkan semua tandingan tersebut adalah makhluk Allah S.W.T juga (Shihab, 2000).

Mahabbah Sesama Makhluk

Mahabbah sesama makhluk pula bersifat universal. Islam sentiasa memotivasi agar berbuat baik sesama makhluk agar mendapat kasih sayang Allah S.W.T. Rahmat dan kasih sayang Allah S.W.T diperlukan setiap makhluknya bagi meneruskan kehidupan di bumi ini. Oleh itu, Allah S.W.T menjanjikan limpahan rahmat kepada mereka yang berbuat baik. Rasulullah S.A.W bersabda: “Sesiapa yang tidak mengasihi, maka dia tidak akan dikasihi”. (H.R. Bukhari, no: 5997; Muslim, no: 2318).

Namun, kasih sayang sesama makhluk yang paling utama adalah kasih sayang kepada kedua ibu bapa. Rasulullah pernah ditanya berkenaan siapakah yang paling berhak mendapat layanan yang baik, Baginda menjawab: “Ibumu. Kemudian ibumu. Selepas itu ibumu. Setelah itu baharulah bapamu, kemudian kerabat yang paling terdekat yang terdekat (H.R. Abu Dawud, no: 5139).

Rasulullah S.A.W menggambarkan keutamaan *mahabbah* kepada kedua orang tua dan kerabat terdekat. Namun antara keduanya, Baginda lebih menekankan amalan berbuat baik kepada ibu mengenangkan jasa seorang ibu. Tambahan pula, jasa seorang ibu berpotensi diabaikan kerana kelemahannya berbanding seorang bapa. Dari sudut peranan pula, peranan ibu dalam menanggung beban melahirkan adalah lebih berat berbanding bapa. Setelah itu, ibu menanggung beban berterusan sehingga proses penyusuan dan membesarakan anak. Bapa pula bertanggungjawab meringankan beban yang dipikul ibu sepanjang proses membesarakan anak sejak melahirkan. Walaupun peranan bapa tidak sebesar ibu, namun jasa seorang bapa tidak wajar diabaikan. Oleh kerana itu, seorang anak juga wajib mendoakan bapanya sebagaimana mendoakan ibunya (Shihab, 2000).

Susunan berbuat baik sesama manusia didahului kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak yatim, orang miskin, jiran tetangga terdekat dan jauh, rakan sejawat, orang musafir serta hamba. Susunan mengikut keutamaan ini digariskan Allah S.W.T dalam Surah al-Nisa' ayat 36.

Memupuk *mahabbah* sesama insan adalah hakikat kesempurnaan iman seorang muslim. Ibn Rajab al-Hanbali (2001) menjelaskan ciri muslim itu adalah mencintai kebaikan pada saudaranya sebagaimana dia mencintai kebaikan kepada dirinya sendiri. Dia turut berbahagia ketika merasa kebahagiaan sesamanya, begitu juga sebaliknya. Rasulullah S.A.W pernah bersabda: "Tidak beriman setiap daripada kamu sehingga dia mencintai saudaranya sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri" (H.R. Bukhari, no: 13; Muslim, no: 45).

Selain itu, Rasulullah S.A.W juga memberikan perumpamaan bagi orang yang saling mencintai dan berkasih sayang sesama mereka seperti keadaan tubuh yang menderita kesakitan. Lalu seluruh anggota turut terasa sakit dan berusaha memberikan bantuan untuk menghilangkan rasa sakit tersebut (al-Nawawi, 1392H). Walaupun Islam menggalakkan *mahabbah* sesama makhluk khususnya sesama manusia, namun perhatian perlu diberikan kepada aspek syahwat apabila melibatkan interaksi lawan gender. Hal ini kerana kecenderungan lelaki adalah kepada wanita dan begitu juga sebaliknya. Kecenderungan tersebut merupakan syahwat daripada syahwat-syahwat yang telah Allah S.W.T hiaskan pada manusia (al-Mubarakfuri, t.t). Oleh kerana itu, Islam telah memberikan panduan dalam menguruskan syahwat bagi mengelakkan maksiat, sumbang mahram, zina dan sebagainya.

Kaedah Memupuk Sifat Mahabbah Terhadap Allah S.W.T dan Rasulullah S.A.W.

Al-Jawzīyyah (1997) mendefinisikan cinta (*mahabbah*) sebagai sesuatu yang suci, tenang serta kukuh dan tenteram. Menurut Mahmud (2000), *mahabbah* kepada Allah S.W.T akan melahirkan perasaan yang penuh semangat, serta mendorong individu untuk mensucikan akhlak dan menajamkan naluri (gharizah) (Mahmud, 2000; Nor Asiah, 2001).

Mahabbah kepada Allah S.W.T

Menyedari akan hakikat *mahabbah* Allah S.W.T kepada hambaNya dan *mahabbah* hamba kepada Allah S.W.T, harus berupaya diaplikasikan dalam kehidupan seharian kerana kasih sayang dan *mahabbah* Allah S.W.T yang sangat luas dan besar. Ahmad Farid (2010) telah menyatakan dalam buku beliau 'Tanda-tanda Cinta Allah' bahawa cinta kepada Allah S.W.T dapat dikenali dengan lima perkara. Kesemuanya terkandung dalam dua ayat al-Quran, iaitu ayat pertama, Surah al- Maidah 5: 54 dan ayat kedua, Surah Ali-Imran 3: 31. Antara kaedah memupuk *mahabbah* terhadap Allah S.W.T ialah dengan ketaatan dan kesyukuran kepada- Nya pada tiap masa dan ketika. Antara contoh *mahabbah* ketaatan dan kesyukuran kepada Allah S.W.T ialah dengan menunaikan sembahyang malam. Hal ini seperti mana yang telah dilafazkan oleh seorang sufi wanita iaitu Rabiatul Adawiyah mengenai kefahamannya terhadap Allah S.W.T: "Telah menipu seseorang yang mendakwa cinta kepada-Ku, tetapi apabila malam, mereka tidur dan meninggalkan-Ku; Bukankah setiap kekasih rindu untuk bersendirian dengan kekasihnya?" (al-Haddad 1989).

Seterusnya melalui kaedah mengenalinya (ma'rifat Allah), mentaatiNya dan mendekatiNya melalui solat wajib dan sunat (al-Qaradhawi, 2000). Al-Ghazali (1967) telah menyatakan tentang cinta di dalam *Ihya' Ulūmuddīn*. Beliau menegaskan bahawa Allah S.W.T ialah sumber kepada segala cinta dan cinta ini ialah manifestasi kekuasaan dan pengetahuan Allah S.W.T. Perbuatan memupuk cinta (*mahabbah*) Allah S.W.T termasuklah aktiviti-aktiviti yang berkait dengan al-Qur'an iaitu membaca, mendengar, tadabbur, mengamalkannya, menganjurkan pembacaannya dan mengajarkannya. Seterusnya berzikir iaitu mengingati Allah S.W.T dengan lisan, hati, akal dan fizikal

(al-Jawziyyah 1991). Kecintaan kepada Allah S.W.T juga menggerakkan keupayaan untuk berfikir mengenai kebaikan, kemanfaatan, kerasionalan dan kecemerlangan.

Mahabbah kepada Rasulullah S.A.W

Mahabbah kepada Rasulullah SAW adalah manifestasi kepada keimanan yang teguh kepada Allah S.W.T (Adam. 2008). Bahkan, tidak diiktiraf *mahabbah* kepada Allah S.W.T melainkan selepas mengaku dan mengikuti cara serta tindak tanduk Rasulullah SAW. Ini kerana, baginda tidak menyuruh melainkan perkara yang dicintai Allah S.W.T, baginda tidak akan menghabarkan apa-apa melainkan perkara itu dicintai oleh Allah S.W.T. Siapa sahaja yang mencintai Allah S.W.T pastinya akan mengikuti jejak langkah Rasulullah SAW (al-Ghazali. 2009).

Kaedah memupuk *sifat mahabbah* Baginda ialah dengan berusaha mengikuti ajaran dan cara hidup Baginda dari segala sudut daripada perkataan, perbuatan dan semuanya. Sebagai balasan, Allah S.W.T akan membalas cinta dan mengampunkan dosa-dosa hamba-Nya tersebut (al-Ghazali. 1967).

Bagi yang tidak mencintai Rasulullah S.A.W ini bermakna dia tidak mencintai Allah S.W.T kerana kecintaan kepada Allah S.W.T ditunjukkan dengan mengikuti ajaran Rasulullah S.A.W dan tidak mengingkari ajarannya. Rasulullah SAW menjalankan dakwahnya daripada suruhan Allah S.W.T. Sesungguhnya manusia ini dalam mencintai Rasulullah S.A.W mereka terdapat dua nafsu iaitu nafsu muṭmāinnah iaitu dengan ketenangan dan ammarah iaitu dengan keburukan, maka yang sebenar mencintai Rasulullah adalah dengan nafsu muṭmāinnah (Othman, 1993). Al-Quran telah menyingkap tentang tujuan perutusan Rasulullah S.A.W dan kebangkitannya merupakan suatu rahmah kepada seluruh alam. Firman Allah S.W.T: “Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam” (Surah al-Anbiya’ 21” 107).

Allah S.W.T memuliakan nabi-nabinya secara amnya, dan secara khusus kepada Nabi Muhammad SAW. Begitulah tertanamnya perasaan cinta kepada Nabi S.A.W di dalam hati kebanyakan hambanya, seperti mana yang dibentangkan oleh al-Quran tentang kemuliaan ke atas Nabi. Dimuliakan Rasulullah itu dengan selawat ke atasnya oleh manusia dan juga para malaikat, dan dipertanggungjawabkan ke atas manusia dengan melakukan solat mengikut cara yang ditunjukkan oleh Rasulullah (Othman 1993; Umar 2010). Sesungguhnya kecintaan seorang mukmin kepada Allah S.W.T dan RasulNya akan membawanya kepada amalan-amalan yang dicintai oleh Allah S.W.T dari gerak hati dan perlakuan anggota badan. Mukmin ini akan sentiasa menjauhkan diri dari apa yang dibenci oleh Allah S.W.T dan RasulNya dari segi niat dan perbuatan. Oleh yang demikian, sesiapa yang mempunyai perasaan *mahabbah* di dalam hatinya terhadap Allah S.W.T dan Rasul, pastinya akan dapat merasai kemanisan iman. Nikmat *mahabbah* ini adalah cinta terunggul yang dianugerahkanNya oleh sesiapa yang mencintaiNya dengan ikhlas (al-Qaradhawi, 2000).

Ingatlah bahawa *mahabbah* kepada Rasulullah adalah bukti kecintaan kita kepada Allah S.W.T. Semakin kita mencintai Rasulullah, semakin dekat kita dengan Allah S.W.T. Semoga kita semua dapat memperkuat *mahabbah* kita kepada Nabi Muhammad SAW dan mengikuti jejak beliau dalam setiap aspek kehidupan kita (Muhammad Yazid Arrizqi, 2023).

Konsep Mahabbah Menurut al-Ghazali

Di dalam kitab *Ihya' Ulum al-Din* (1988), al-Ghazali telah membincang tentang sepuluh sifat terpuji yang seharusnya dimiliki oleh setiap individu iaitu taubat, sabar, tawakal, zuhud, *mahabbah*, rida dan *ma'rifah*. Barkait dengan *mahabbah*, beliau telah menyatakan bahawa sifat ini akan diiringi dengan perasaan rindu dan reda (al-Ghazali, 1988; Ahmad Arif, et al., 2023). Justeru, kenyataan ini dapat difahami melalui analogi bahawa seandainya seseorang individu memiliki sifat *mahabbah* terhadap sesama makhluk pasti mereka akan merasa rindu untuk sentiasa berdamping dan reda dalam

menerima seadanya. Malah sifat *mahabbah* ini sangat ketara jika dimiliki oleh seorang hamba kepada penciptanya iaitu dengan menjadikan hamba tersebut dapat merasai kemanisan dalam beribadah, leka dalam *dhikr Allah* dalam setiap ketika, mengutamakan apa yang dicintai oleh Allah melebihi kecintaannya, tidak kesal dengan sesuatu yang hilang daripadanya, bersikap lemah lembut sesama manusia serta menjadi hamba yang taat dengan melakukan setiap perintah Allah S.W.T dan menjauhi larangannya (al-Ghazali, 2004).

Di samping itu, dalam kitab *al-Arba 'in fi Usul al-Din*, al-Ghazali (2003) telah menyatakan bahawa cinta atau *mahabbah* akan membuatkan jiwa cenderung terhadap sesuatu yang dicintai dan apabila kecenderungan itu bertambah kuat maka akan menerbitkan rasa rindu (*isyq*) dan merasa senang dengannya. Kecenderungan yang disebabkan oleh rasa cinta ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu fizikal yang merujuk kepada pancaindera yang zahir. Contohnya merasa senang dengan melihat kehebatan dan keagungan ciptaan Allah S.W.T, merasa nyaman dengan bau-bauan tertentu dan sebagainya. Manakala, bahagian kedua ialah batin yang merujuk kepada sesuatu yang berkait dengan jiwa. Dalam hal ini, yang dimaksudkan dengannya ialah jiwa yang mampu untuk merasai dan menanggung perasaan cinta terhadap sesuatu perkara. Contohnya, apabila seseorang individu mempunyai perasaan *mahabbah* terhadap Rasulullah S.A.W, pasti bibirnya sentiasa berselawat terhadap baginda. Perbuatan ini didorong oleh jiwa yang menanggung perasaan tersebut (al-Ghazali, 2003).

Justeru, terdapat tiga faktor utama yang mendorong seseorang itu mencintai sesuatu iaitu disebabkan oleh ilmu, kemampuan atau kebolehan dan bersih daripada aib dan akhlak tercela. Menurut al-Ghazali (2003), terdapat dua kesan utama daripada perasaan cinta yang dimiliki iaitu sentiasa memiliki kemahuan untuk melakukan perkara-perkara yang baik dan kemuncak perasaan bahagia apabila mengutamakan cinta kerana Allah S.W.T (al-Ghazali, 2003). Walaupun begitu, *mahabbah* kepada Allah adalah cinta terunggul yang terletak di tangga teratas dalam agama dan juga kehidupan (al-Ghazali, 1967). Ini adalah kerana Allah adalah pencipta kepada segala-galanya, yang mana dengan rahmat dan kasih sayang-Nya, maka terciptalah manusia dan makhluk-makhluk lain bersama dengan limpahan nikmat dan kelangsungan hidup.

Konsep *Mahabbah* Menurut al-Qushayri

Mahabbah merupakan suatu perasaan yang mulia, penyaksian yang benar, mensucikanNya, denganNya untuk seorang hamba, menghabarkan tentang kasih sayangNya terhadap seorang hamba. Dengan memiliki sifat *mahabbah* ini, menjadikan seseorang individu itu mampu untuk merasai keberadaan dengan Allah S.W.T melalui mata hati. Di samping itu, individu yang memiliki sifat ini juga akan sentiasa mengingati apa yang dicintai di dalam hati dan leka dengan perasaan tersebut (al-Qushayri, 1989).

Selain itu, sifat *mahabbah* adalah selayaknya menjadi keutamaan milik Allah S.W.T yang menjadikan seseorang individu itu untuk menghampirkan diri kepadaNya dan mengagungkanNya. Dalam hal ini, sifat *mahabbah* yang disandarkan kepada Allah S.W.T adalah perkara yang paling mulia dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Jika dilakukan penelitian, sifat ini lebih khusus dan mempunyai kedudukan yang lebih tinggi kerana rasa kecintaan tanpa syarat tertentu jika dibandingkan dengan sifat *al-rahmah* yang hanya terkandung ganjaran dan kenikmatan (al-Qushayri, 1989).

Kesimpulan

Sebagaimana Allah menjanjikan kepada hambanya bahawa tidaklah masuk seorang hamba ke dalam syurga melainkan dengan kasih dan cintaNya, maka begitu juga kehidupan manusia di dunia yang sudah tentu tidak akan berjaya sekiranya hati dan jiwanya lekang daripada pengertian *mahabbah* yang sebenar. Dengan adanya jiwa yang sarat dengan nilai *mahabbah* kepada Allah, maka seorang hamba akan mempunyai psikospiritual yang utuh dan benar. Dengan itu, manusia akan lebih mudah untuk menyebarkan kasihnya kepada orang-orang sekelilingnya tanpa sebarang refleksi negatif yang mungkin menyukarkan setiap tindak-tanduk dalam rutin hariannya. Begitu juga melalui konsep *mahabbah* ini juga mampu membantu manusia dalam menjalankan amanah sebagai hamba tanpa merasa terbeban, bahkan bakal menjadikan mereka tidak pernah jemu untuk mentaati segala perintah Allah S.W.T ke atasnya. Oleh yang demikian, pemahaman dan penghayatan terhadap konsep *mahabbah* seperti yang didokong oleh al-Ghazālī dan al-Qushayrī amat mustahak untuk dititikberatkan dalam kalangan umat Islam kini dan selamanya.

Rujukan

- A. Sastra, H. Abd. Rozak. (2018). *Tafsir Ayat-Ayat Pilihan*. Pustaka One Indonesia.
- Abu 'Abd al-Rahman Muhammad bin al-Husain al-Sulami. (1998). *Tabaqat al-Sufiyyah*. Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Abu al-Qasim 'Abd al-Karim bin Hawazin bin 'Abd al-Malik al-Qushayri al-Nisaburi al-Syafie. (1989). *al-Risalah al-Qushayriyyah*. Dar al-Sha'b.
- Abu al-Qasim Abd al-Karim bin Hawazin bin 'Abd al-Malik al-Qushayri al-Naisaburi al-Syafie. (2007). *Tafsir al-Qushayri (Lataif al-Isyarat)*. Dar al-Kutub al-Alamiyyah.
- Abu Barzah, Ahmad Zahrowii Danyal, & Al-Anshory, Abdul Muntaqim. (2022). Makna Cinta dalam Lirik Lagu Bismillah Cinta. *Jurnal Hasta Wiyata*, 5(2), 54-66. <http://repository.uin-malang.ac.id/12101/>.
- Abu Dawud, Sulayman bin Ash'ath bin Ishaq bin Bashir bin Shadad bin 'Amr al-Azdi al-Sijistani. (t.t.). *Sunan Abu Dawud*. (Muhammad Muhyi al-Din Abd al-Hamid, Ed.). Maktabah 'Asriyyah.
- Abu Hamid al-Ghazali (2004). Mukasyafah al-Qulub al-Muqarrib ilā Haḍrah 'Allam al-Ghuyub Kaherah: Dar al Hadith.
- Adam Tharsyah. 2008. Manusia yang Dicintai dan Dibenci Allah: Kunci-kunci Menjadi Kekasih Allah. (Terj. Madza Yuhibbu'llahu wa Yabghadhu, Mesir, 2004). Terj. Vivi Sofia Anita. PT Mizan Pustaka.
- Ahmad Arif, M. N. (2023). Mahabbah Concept According to Abu Hamid Muhammad al-Ghazali. *Journal of Education, Arabic and Islamic Studies*, 84-94. <https://quality.pdfaii.or.id/index.php/i/article/view/28>.
- Ahmad Farid. 2010. *Tanda-tanda Cinta Allah (Alāmat Maḥabbatullāh)*. Darul Anas Bin Malik. Kufr Syeikh: Mesir.
- Ahmad Sahar. (2012). Pandangan al-Ghazali tentang Pendidikan Moral. *Jurnal An-Nur*, IV(2), 203-224. <https://jurnalannur.ac.id/index.php/An-Nur/article/view/19>.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. (1422H). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Min Umur Rasul SAW Wa Sunanīhi Wa Ayyamīhi*. ed. Muhammad Zuhair Nasir al-Nasir. Dar Tuq al-Najah.
- Al-Ghazali, A. H. (2003). *Al-Arba'in fi Usul al-Din*. Dar al-Shamiyyah.

- Al-Ghazali, A. H. (2004). *Mukasyafah al-Qulub al-Muqarrib ila Hadrah 'Allam al-Ghuyub*. Dar Hadith.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1988). *Ihya' Ulum al-Din*. Markaz al-Ihtiram li al-Tarjamah.
- Al-Ghazālī, Abu Hamid. 2009/1909. *The Alchemy of Happiness*. WLC Books.
- Al-Ghazālī, al-Imam Abi Hamid Muhammad bin Muhammad (1988). *Ihya' Ulum al-Din*. Jil 1-4. Terj. Prof. Tk. H. Ismail Yakub MA-Sh. Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Al-Ghazālī, al-Imam Abi Hamid Muhammad bin Muhammad. 1967. *Ihya' 'Ulum al Din*, al-Juzu' al-Thalith, Kaherah: Muassasah al-Halabī wa syarakahu li nasri wa al-Tauzi'.
- Al-Haddad. Abdallah Ibn 'Alawi. 1989. *The Book of Assistance*. Terj. Mostafa al- Badawi. The Quillim Press.
- Al-Hasaniy, Ahmad Muhammad 'Ajibat. (2008). *Mi'rab al-Tasyawwuq ila Haqa'iq al-Tasawwuf*. A'lah al-Kitab.
- Al-Jawzīyyah, Ibn Qayyim. (2020). *Taman Orang Jatuh Cinta: Tamasya Orang Yang Terbakar Rindu*. (Z. Mutaqin, Ed.). Penerbit Jabal.
- Al-Jawzīyyah, Ibn Qayyim. 1991a. *Tahzib Madārij al-Salikīn*. Jil. 1. Muassasah al-Risālah.
- Al-Jawzīyyah, Ibn Qayyim. 1991b. *Tahzib Madārij al-Salikīn*. Jil. 2. Muassasah al-Risālah.
- Al-Jawzīyyah, Ibn Qayyim. 1997. *Cinta dan Rindu Menurut al-Qur'an dan as Sunnah*. (*Rawdah al-muhibbīn wa nuzhah al-musytaqīn*), Terj. Kathur Suhardi. Selangor: Al-Baz Publishing & Distribution Sdn. Bhd.
- Al-Maraghi, Ahmad bin Mustafa. (1946). *Tafsir al-Maraghi*. Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babiy al-Halabiyy wa Awladuhu.
- Al-Mubarakfuri, Abu al-'Ala Muhammad 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim. (t.tp). *Tuhfah al-Ahwazi bi Sharh Jami' al-Tirmizi*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Mahy al-Din Yahya bin Sharf. (1392H). *Al-Manhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2000, *Kemanisan Iman*. Terj. Mahmud Hj. Ahmad. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-Qurtubi, Abu Abdillah Muhammad Ahmad Abu Bakr Farh al-Ansari. (1384H). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. (Ahmad Barduni, Ibrahim Athfaish, Ed.). Dar al-Kutb al-Misriyyah.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir bin Yazid bin Kathir Abu Ja'far. (2000). *Al-Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. (Ahmad Shakir, Ed.). Muassasah al-Risalah.
- Al-Tusiy, A. N.-S. (2016). *al-Luma'fi Tarikh al-Tasawwuf al-Islami*. Dar al-Fath.
- Al-Tustari, S. A. (2004). *Tafsir al-Quran al-'Azim* Dar al-Haram li al-Turath.
- Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. (1418H). *Al-Tafsir al-Munir Fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Dar al-Fikr al-Mu'asar.
- Baharudin, Abdul Mukti. (2019). Peranan Akal Dalam Mengenali Allah S.W.T: Kajian Terhadap Surah al-Nahl. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(2), 62-79.
<https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/13>.
- Fariza Md sham, Salasiah Hanim Hamjah & Mohd. Jurairi Sharifudin. (2013). Personaliti dari Perspektif al-Ghazali. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Fazalani, Runi. (2021). Makna Kata "Cinta" Dalam Novel Dan Karya Musik Kajian Semantik. *Lingua Franca: Jurnal Bahasa, Sastra dan Pengajarannya*, 5(1), 82-91. <https://journal.um-surabaya.ac.id/lingua/article/view/6432>.
- Habib Bawafi. (2020). Meneguhkan Akhlak Sebagai Pendidikan Karakter Islam (Kajian Pemikiran Imam al-Ghazali). *Jurnal Al-Hikmah*, 123-140.
- Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali bin Hajar Abu al-Fadl al-'Asqalani. (1379H). *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. (Abd Aziz bin Abdullah bin Baz, Ed.). Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir. (1999). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. (Sami bin Muhammad Salamah, Ed.). Dar Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar. (1419H). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. ed. Muhammad Husin Shams al-Din. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Manzur, J. M. (2012). *Lisan al-'Arab*. Dar Sadir.
- Ibn Rajab al-Hanbali, Zayn al-Din 'Abd al-Rahman bin Ahmad. (2001). *Jami' al-Ulum wa al-Hikam Fi Sharh Khamsin Hadithan Min Jawami' al-Kalam*. (Shu'aib al-Arnaut, Ed.). Muassasah al-Risalah.
- Ibnu Idris al-Qari. (1999). *"The Secret of Sufi"* Rahsia Alam Sufi. Jasmin Enterprise.
- Indra Ari Fajari. (2016). Klasifikasi Ilmu Pengetahuan Menurut Imam al-Ghazali. *Kontemplasi* 4(2), 299-316. <https://ejournal.uinsatu.ac.id/index.php/kon/article/view/302>.
- Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Khairani Zakariya @ Abd Hamid. (2012). Kaedah pembangunan akhlak remaja menurut Imam al-Ghazali: Aplikasinya dalam program tarbiah sekolah-sekolah menengah aliran agama berasrama di Negeri Kedah, Malaysia. *ATIKAN*, 70-94. <https://www.journals.mindamas.com/index.php/atikan/article/view/126>.
- Khosim, N., & Hanapi, M. S. (2023). Tasawur Mahabbah Menurut Badiuzzaman Said Nursi Berdasarkan Kitab Kulliyat Rasa'il Al-Nur [The Tasawur Of Mahabbah According To Bediuzzaman Said Nursi Based On The Book Of Kulliyat Rasa'il Al-Nur]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 24(1), 154-163. <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/779>.
- Muhammad Edi Kurnanto. (2011). Pendidikan Dalam Pemikiran al-Ghazali. *Jurnal Khatulistiwa-Journal of Islamic Studies*, 1(2), 161-176.
- Muhammad Yazid Arrizqi. (2023). Mahabbah Kepada Rasulullah Perspektif Hadis: Analisis Hadis dalam Kitab Nurul Mubin fi Mahabbati Sayyidil Mursalin Karya K.H Hasyim Asy'ari). *Gunung Djati Conference Series*, 24, 91-113.
- Muslim bin Hajjaj Abu al-Hasan al-Qushairi al-Naisaburi. (t.t). *Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Bi Naql al-'Adl 'An al-'Adl Ila Rasulullah SAW*. ed. Muhammad Fuad Abd al-Baqi. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Mustafa, M. (2020). Konsep Mahabbah Dalam al-Qur'an. *Jurnal al-Asas*, IV(1), 41-53.
- Nabil Nofal. (2000). Al-Ghazali (A.D. 1058- 1111; A.H. 450- 505). *International Bureau of Education*, 519-542.
- Nor Asiah Jusoh. 2001. *The psychology of love: Comparative study of al-Ghazali and Maslow*. Laporan kajian tidak diterbitkan. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Othman, Abdul Raof Muhammad. 1993/1414H. *Mahabbatul Rasul SAW Bainā Ittibā'i wa al-Ittida'i*. Riyadh, Arab Saudi.

Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Norsaleha Mohd Saleh, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang & Syamim Zakwan Rosman,. (2020). Model Terapi Psikospiritual Islam untuk Pencegahan Dadah Golongan Berisiko Menurut al-Ghazali. *Diskusi Akademia Pengajian Islam Semasa* (pp. 60-75). Kajang: Penerbit Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Safiah Abd Razak, Che Zarrina Saari & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. (2021). Muraqabah Dan Mahabbah Menurut Al-Sarraj: Satu Analisis Menurut Perspektif Pembangunan Rohani Insan. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 22(3), 1-15. <https://www.proquest.com/openview/e1580732320f4ba8194f7a8803802bda/1?pq-origsite=gscholar&cbl=4827496>.

Said Nursi, Badiuzzaman. (2013). Al-Kalimat. Terj: Ihsan Qasim Al-Salihi. Kaherah: Sozler Publications.

Shihab, M. Quraish. (2000). *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan, dan Keserasian al-Qur'an*. Ciputat: Penerbit Lentera Hati.

Suharyanto, Ernaka Heri Putra, & Akbar, Aziz. (2022). Mahabbah Kepada Allah SWT dan Para Makhluk-Nya. *Adabuna: Jurnal Pendidikan dan Pemikiran*, 1(2), 180-195. <https://ejournal.uiddalwa.ac.id/index.php/adabuna/article/view/827>.

'Umar Shakīr al-Kābīsī. (2010). *Al-Hubb Tacrifuhu, 'Anwā'uhu, 'Asbābuna, 'Atharahu*. Beirut, Lebanon: Muassasah al-Rayyan.

Yayan Mulyana. (2017). *Konsep Mahabbah Imam al-Tustari (200-283H)*. *Syifa al-Qulub*, 1-10. https://web.archive.org/web/20180426152026id_/_http://journal.uinsgd.ac.id/index.php/syifa-al-qulub/article/viewFile/1427/988.

Zidni Nuran Noordin & Zaizul Ab. Rahman. (2017). Pembandingan Proses Tazkiyah al-Nafs Menurut Imam al-Ghazali dan Ibnu Qayyim. *Jurnal al-Turath*, 2(1), 37-46. <https://spaj.ukm.my/jalturath>